

Bersatu Sabah sokong pelantikan Taufiq sebagai naib canselor UMS

VB 29.7.2019 A4

KOTA KINABALU: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Sabah menyambut baik dan menyokong penuh keputusan Menteri Pendidikan melantik Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu.

Bersatu Sabah juga berpendapat bahawa faktor utama yang harus menjadi pertimbangan dalam pengisian jawatan-jawatan penting di universiti awam ialah meritokrasi.

Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Bersatu Sabah Mohd Isquzawan Israaq Arsit berkata, selain merit, kualiti calon juga mengatasi semua pertimbangan lain.

"Kami yakin keputusan Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik telah mengambil kira kriteria ini dalam keputusan beliau.

"Bersatu Sabah menyambut baik dan menyokong penuh keputusan melantik Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin sebagai naib canselor



MOHD ISQUZAWAN

UMS yang baharu," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Isquzawan mengulas pelantikan Taufiq sebagai naib canselor UMS berkuat kuasa 30 Julai ini hingga 29 Julai 2022.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan pada Sabtu berkata, pelantikan Taufiq bagi menggantikan Datuk Prof Dr D Kamarudin D Mudin yang tamat tempoh

memegang jawatan itu pada Ahad.

"Pelantikan ini berdasarkan kepakaran dan kelayakan akademik tinggi serta pencapaian beliau ketika memegang jawatan, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

"Kementerian percaya pelantikan beliau akan dapat memacu kecemerlangan UMS ke tahap yang lebih tinggi," kata kenyataan itu.

Taufiq, 51, yang berasal dari Kota Kinabalu, adalah profesor di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kimia UPM pada 1992 dan melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana di universiti sama pada 1994, sebelum memperoleh Ijazah Kedoktoran dari University of Manchester Institute of Science and Technology, United Kingdom pada 1997.

Selain pernah dilantik sebagai pengetua Kolej Kediaman dan Ketua Pusat Penyelidikan Sains

dan Teknologi Katalisis UPM, beliau mempunyai pengalaman luas di peringkat antarabangsa apabila dilantik sebagai Felo di The Royal Society of Chemistry, United Kingdom pada 2008.

Isquzawan berkata, Taufiq adalah anak tempatan Sabah yang memiliki kelayakan akademik dan pengurusan cemerlang yang telah mendapat pengiktirafan bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Beliau amat layak menerajui UMS. Bersatu Sabah akan memberi kerjasama penuh kepada Dr Taufiq dalam usaha berterusan membawa UMS ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

"Beliau memerlukan sokongan dan dukungan daripada rakyat Sabah secara keseluruhannya dalam usaha mencapai matlamat murni ini.

"Bersatu Sabah mengucapkan selamat bertugas kepada Prof Dr Taufiq," katanya.